



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' SRI KHAZALI BIN HJ. AHMAD
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INOVASI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2016**

**TEMPAT:
DEWAN UTAMA,
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA,
PUTRAJAYA**

**TARIKH:
25 NOVEMBER 2016 | JUMAAT**

1. BISMILLAHHI RAHMANI RAHIM

ALHAMDULILLAH ROBBIL A'LAMIN

WABIHI NASTA'IN

WA'ALA ALIHI WASOHBIHI AJMA'IN

2. **YBHG. DATO' HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD,**

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN),

YBHG. DATO' ZULKIFLI BIN YAHYA,

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM

(PERKASTAMAN & GST),

YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM,

PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN),

YBHG. DATO' MOHD ISA BIN ENDOT,

PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM IBU PEJABAT,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM NEGERI,

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

SETERUSNYA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

3. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
4. SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM 1KASTAM.
5. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T.
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA
BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS “MALAM ANUGERAH
KECEMERLANGAN INOVASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA”
DI DALAM DEWAN YANG INDAH INI.

6. TERLEBIH DAHULU INGIN SAYA MERAKAMKAN SEKALUNG TAHNIAH DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA PIHAK JAWATANKUASA INDUK MAJLIS YANG DITERAJUI OLEH YBHG DATO' HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD, TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN) SERTA DIPENGERUSIKAN OLEH YBHG. DATO' MOHD ISA BIN ENDOT, PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT, DI ATAS KEJAYAAN MENGANJURKAN MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INOVASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TAHUN 2016.

7. SESUNGGUHNYA MAJLIS SEPERTI INI AMAT BERMAKNA KEPADA WARGA JKDM KERANA MEREKA BAKAL DIBERI PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN OLEH JABATAN HASIL DARIPADA KESUNGGUHAN SERTA PENGLIBATAN MEREKA DALAM DUNIA INOVASI.

YBHG DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

8. KE ARAH USAHA MEREALISASIKAN WAWASAN 2020 SERTA MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI, KERAJAAN TELAH MEMPERKENALKAN DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI YANG TELAH DIRANGKA KHUSUS BAGI MENYELARAS SEMUA RANGKA KERJA YANG BERKAITAN DENGAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA.
9. DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI INI ADALAH PENTING DEMI MEMASTIKAN PEMBUDAYAAN INOVASI DAN KREATIVITI INI DAPAT DITERAPKAN DALAM MENTALITI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT TERMASUKLAH KEPADA WARGA JABATAN KASTAM.
10. KITA PERCAYA RANGSANGAN INOVASI MERENTASI SEMUA PERINGKAT BAHAGIAN DAN PEGAWAI MAMPU MEMANGKIN TRANSFORMASI JABATAN KASTAM SETERUSNYA AKAN BERHASIL UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN KOMPETITIF.

**YBHG DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.**

11. SEPERTI KITA SEDIA MAKLUM, CABARAN YANG DIHADAPI DI DUNIA YANG SERBA MODEN INI AMAT BERBEZA DAN UNIK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN APA YANG TELAH KITA LALUI 20 TAHUN YANG LEPAS.
12. PENGLIBATAN INOVASI TEKNOLOGI SECARA OPTIMUM DAN PENGAPLIKASIAN MEDIA ATAS TALIAN TELAH MENGUBAH CORAK AKTIVITI DAN CARA HIDUP MASYARAKAT DUNIA.
13. SEBAGAI CONTOH, BOLEH KITA LIHAT PADA PERKEMBANGAN FACEBOOK YANG PERMULAANNYA HANYA DICIPTA SEBAGAI MEDIUM PERHUBUNGAN SOSIAL DI KAMPUS UNIVERSITI HARVARD OLEH MARK ZUCKERBERG PADA TAHUN 2004.

14. HASIL DARIPADA USAHA PENAMBAHBAIKAN DAN INOVASI YANG BERTERUSAN, DALAM MASA 12 TAHUN, SELAIN MENJADI MEDIUM PERHUBUNGAN MAYA YANG BERKEMBANG PESAT SECARA GLOBAL, FACEBOOK JUGA KINI TELAH DIANGKAT SEBAGAI SEBUAH PERANTARA PENGIKLANAN YANG EFEKTIF DAN BERKESAN.
15. SELAIN ITU, PERKEMBANGAN INOVASI JUGA BOLEH KITA LIHAT PADA PENGGUNAAN APLIKASI UBER YANG DIPERKENALKAN OLEH SYARIKAT UBER TECHNOLOGIES.
16. UBER MERUPAKAN APLIKASI MUDAH ALIH YANG DILANCARKAN PADA TAHUN 2009 BERASASKAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN YANG BERPANGKALAN DI SAN FRANCISCO, CALIFORNIA.
17. SUNGGUHPUN BOLEH DIANGGAP MASIH BARU, CETUSAN INOVASI YANG DIBAWA OLEH APLIKASI UBER INI TELAH MENJADI FENOMENA DUNIA TERMASUKLAH DI MALAYSIA.

18. KEMUDAHAN CAPAIAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN UBER TELAH MENARIK PERHATIAN SEGENAP PENDUDUK DUNIA DAN TELAH MENJADI SALAH SATU ALTERNATIF PENGANGKUTAN YANG DIPERCAYAI.

19. TIDAK KURANG HEBATNYA JUGA DENGAN SYARIKAT APPLE YANG TELAH DITUBUHKAN PADA TAHUN 1976 DAN MASIH KEKAL UTUH MENGUASAI PASARAN DUNIA SEHINGGA KINI.

20. KEMANTAPAN TEKNOLOGI TERMASUKLAH PERKEMBANGAN INOVASI PERKAKASAN, PERISIAN DAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN YANG DIPELOPORI OLEH MANTAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF APPLE, STEVE JOBS, TELAH MENYENARAikan JENAMA APPLE SEBAGAI ANTARA GERGASI GADGET DUNIA YANG SANGAT DIKAGUMI.

YBHG DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

21. DENGAN MEMBUAT PEMERHATIAN TERHADAP KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN SYARIKAT-SYARIKAT MULTI-NASIONAL INI, MAKA TERBUKTIKILAH BAHAWA SUNTIKAN BUDAYA INOVASI KE DALAM CORAK KERJA SERTA PENGURUSAN SESEBUAH ORGANISASI ADALAH SANGAT PENTING BAGI MENCAPAI MATLAMAT SERTA MERANCAKKAN PRODUKTIVITI ORGANISASI BERKENAAN.

22. WALAUPUN KITA MUNGKIN TIDAK MAMPU MENGHASILKAN INOVASI SEHEBAT FACEBOOK, UBER, MAHUPUN APPLE, NAMUN USAHA MURNI WARGA JABATAN DALAM MEMPERKASAKAN BUDAYA INOVASI INI DIYAKINI BERUPAYA MEMPERTINGKATKAN HASIL DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SELARAS DENGAN FIRMAN ALLAH DI DALAM SURAH AR-RA'D, AYAT KE-11, YANG BERMAKSUD;

“SESUNGGUHNYA ALLAH TIDAK MENGUBAH APA YANG ADA PADA SESUATU KAUM SEHINGGA MEREKA MENGUBAH APA YANG ADA PADA DIRI MEREKA SENDIRI.”

23. KITA PERLU BERFIKIR BAGAIMANA KITA MAMPU MELONJAKKAN PRODUTIVITI JABATAN DENGAN MENAMBAHBAIK CARA KITA BEKERJA, BAGAIMANA KITA BOLEH MENGESAN PENYELEWENGAN TANPA MENGAMBIL MASA YANG LAMA DAN BAGAIMANA KITA DAPAT MENINGKATKAN KESELAMATAN PEGAWAI KITA SEMASA BERTUGAS TANPA MENGURANGKAN JUMLAH KUTIPAN HASIL.

YBHG DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

24. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PARA PEMENANG YANG BAKAL MENERIMA HADIAH MASING-MASING SEBENTAR LAGI.

25. BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR MAJLIS PENGHARGAAN SEPERTI INI DAPAT DITERUSKAN SETIAP TAHUN SEBAGAI PEMANGKIN SEMANGAT SERTA DAPAT MENYUNTIK MOTIVASI KEPADA WARGA JABATAN KASTAM UNTUK TERUS BERINOVASI

DAN MENGHASILKAN PEMBAHARUAN YANG BERTERUSAN KE
ARAH BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT.

26. AKHIR KATA, SELAMAT MAJU JAYA DAN SELAMAT BERINOVASI.

27. SEKIAN, TERIMA KASIH.

28. WABILLAH TAUFIQ WALHIDAYAH

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

**DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.**

25 NOVEMBER 2016